

19/06/1999

Razaleigh yakin profesional akan masuk Umno

KETUA Umno Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah, yakin lebih ramai generasi muda termasuk di kalangan profesional akan menyertai Umno pada masa akan datang.

Beliau berkata, ini kerana Umno adalah parti untuk semua sama ada yang kaya atau miskin.

Malah, katanya, golongan veteran dalam Umno sentiasa membantu generasi baru yang lazimnya mendapat ilham daripada mereka itu untuk sama-sama bergerak dalam parti.

Menurut bekas Presiden Parti Semangat 46 (S46) itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam taklimatnya kepada pemimpin Umno Rabu lalu sudah membentangkan pendapatnya mengenai kemunculan pihak yang tidak bersetuju dengan Umno.

"Dr Mahathir berkata satu sebabnya kerana kita tidak memberi peluang kepada mereka menyertai Umno atau mengambil bahagian dalam politik Umno. Ini mungkin menyebabkan mereka mencari haluan lain atau menyertai kumpulan lain selain Umno.

"Kebanyakan mereka ini cerdik pandai yang memikirkan dia boleh menyumbang terhadap perjuangan Umno. Pemimpin Umno menerima saranan Dr Mahathir itu. Sebenarnya, Umno tidak pernah ketandusan pemimpin," katanya ketika ditemui selepas perasmian Perhimpunan Agung Umno.

Sebelum ini, parti pembangkang terutama Pas mendakwa ramai generasi muda termasuk profesional menyertai mereka.

Ditanya soalan lain, Tengku Razaleigh berkata, beliau tidak mengharapkan apa-apa jawatan dalam Umno dan tidak akan kecewa jika tidak dilantik memegang sebarang jawatan tertinggi dalam parti.

"Saya cuma seorang Gurkha. Saya tidak menjangka apa-apa, mungkin lans koperal saja," katanya ketika diminta mengulas khabar angin mengenai kemungkinan beliau dilantik menjadi Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan.

Sesetengah pihak mengaitkan kemungkinan pelantikan itu menjadi antara kejutan dalam ucapan dasar Dr Mahathir di perhimpunan ini. Bagaimanapun, perkara itu tidak menjadi kenyataan setakat ini.

Sambil menolak kemungkinan sebarang pengumuman atau kejutan itu membabitkannya, Tengku Razaleigh berkata beliau tidak kecewa jika tidak dilantik menjawat jawatan berkenaan.

"Sebagai ahli politik, saya tidak pernah kecewa. Saya tidak fikir ia akan membabitkan saya. Saya cuma orang kecil," katanya.

(END)